

KRITERIA PENILAIAN ANUGERAH INOVASI JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR 2023

BIL	KRITERIA	PENERANGAN
IDEA YANG DICETUSKAN BAGI MENGHASILKAN SESUATU INOVASI DIUKUR DARI SEGI KREATIVITI		
1	KREATIVITI	
	a) Keaslian; atau	Inovasi yang dihasilkan adalah idea asli
	b) Adaptasi; atau	Inovasi yang dihasilkan merupakan penambahbaikan atau pengubahsuaian idea sedia ada
	c) Guna pakai	Inovasi yang dihasilkan hanya mengguna pakai idea sedia ada
HASIL INOVASI ATAU OUTPUT DIUKUR DENGAN MENGAMBILKIRA TAHAP PERLAKSANAAN DAN REPLICABILITY SESUATU INOVASI ITU		
2	TAHAP PERLAKSANAAN	Melihat sejauh mana tahap pelaksanaan inovasi yang dihasilkan sama ada ia telah berjaya dilaksanakan sehingga ke peringkat 'Penuh' atau 'Percubaan'
	a) Secara penuh (melempi peringkat percubaan); atau	
	b) Percubaan (di peringkat prototaip)	
3	REPLICABILITY	
	a) Boleh dilaksanakan terus di pelbagai tempat; atau	Melihat sejauh mana inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri keboleholangan (<i>replicability</i>) dan bukti inovasi boleh diguna pakai oleh agensi-agensi lain
	b) Boleh dilaksanakan dengan pengubahsuaian mengikut keperluan tanpa melibatkan kos yang tinggi	
IMPAK ATAU OUTCOME DINILAI DENGAN MELIHAT KEPADA KRITERIA EFISIEN (KECEKAPAN) DAN SIGNIFIKAN SESUATU INOVASI		
4	EFISIEN (KECEKAPAN)	
	a) Jimat masa	Melihat sejauh mana inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri efisien dan mesra alam
	b) Jimat kos	
	c) Tingkatkan produktiviti	
	d) Mudah digunakan (user friendly)	
	e) Penggunaan teknologi hijau	
5	SIGNIFIKAN	
	a) Tinggi (impak kepada Perkhidmatan Awam); atau	Melihat sejauh mana inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri signifikan dan terdapat bukti yang nyata inovasi dapat memberi impak kepada keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan
	b) Sederhana (impak kepada organisasi); atau	
	c) Rendah (impak kepada bahagian/unit)	
PENGURUSAN DINILAI DARI ASPEK KOMITMEN PIHAK PENGURUSAN ATASAN		
6	KOMITMEN	
	a) Sumber kewangan	Melihat sejauh mana komitmen pengurusan atasan dalam memberi sokongan
	b) Sumber manusia	
	c) Insentif	
	d) Penghargaan	
	e) Peralatan	
PENYAMPAIAN DINILAI DARI SEGI PERSEMBAHAN HASIL INOVASI & PENILAIAN DOKUMENTASI		
7	PERSEMBAHAN HASIL INOVASI	Persembahan yang jelas terutama dari aspek teknikal, penggunaan visual, komunikasi oral dan pengucapan awam yang berkesan
8	DOKUMENTASI HASIL INOVASI	Dokumentasi Hasil Inovasi yang menerangkan dengan terperinci dan menyeluruh berkaitan projek